

Adawiah Zainal
(Foto penulis)

EKSOTIKNYA PULAU BALI

Pulau Bali merupakan antara destinasi pelancongan yang menjadi pilihan buat mereka yang inginkan ketenangan apabila mendengar desiran ombak dan melihat jernihnya lautan. Begitu juga dengan penulis yang tidak melepaskan peluang untuk bercuti ke Bali bagi meredakan ketegangan yang membadai jiwa. Kedatangan ke Bali juga merupakan kali pertama penulis menjejakkan kaki di bumi garuda pancasila.

Sebagai satu daripada pulau di Indonesia yang mendapat perhatian pelancong dari segenap pelosok dunia, Bali sangat menjaga adat, budaya dan sejarah mereka. Hal ini boleh dilihat setibanya anda di lapangan terbang antarabangsa Ngurah Rai. Lukisan dan patung para dewata digambarkan secara artistik seakan-akan menyambut kedatangan anda. Nama Ngurah Rai pula diambil bersempena dengan nama pahlawan Indonesia yang berasal dari Bali.

Lebih 90 peratus daripada penduduk di Bali beragama Hindu dan mereka sangat berpegang teguh dengan adat dan kepercayaan agama mereka.

Menurut sejarah, agama Hindu merupakan agama pertama yang bertapak di Bali. Maka itu, tidak hairanlah jika majoriti penduduk di Bali beragama Hindu. Hanya sebahagian kecil sahaja yang




Arca dewa di lapangan terbang Ngurah Rai.

beragama Islam, Kristian dan Buddha. Di setiap kiri dan kanan bahu jalan, anda juga mudah menjumpai kuil Hindu dengan binaan yang tersendiri. Binaan kuil Hindu di sini amat berbeza daripada binaan kuil di tanah air kita.

Penulis juga turut berkesempatan mengunjungi kuil Uluwatu yang merupakan antara kuil tertua di Bali dan merupakan destinasi wajib para pelancong. Kuil Uluwatu terletak di Pecatu dan lokasinya di puncak tebing yang amat sesuai untuk menyaksikan matahari terbenam. Disebabkan oleh lokasi kuil berada di puncak tebing yang tinggi, penulis dapat melihat pemandangan luas laut yang dikelilingi oleh tebing tinggi. Pemandangan sedemikian ibarat berada di pantai negara Eropah seperti di Cornwall dalam filem Inggeris *About Time* dan *The Witches*.


Pemandangan lautan luas dari puncak kuil Uluwatu.



Arca kesenian Bali sebagai tarikan pelancong

Kuil Uluwatu turut mempunyai saktinya. Hanya mereka yang mempunyai tujuan keagamaan sahaja dibenarkan masuk dan bersembahyang di dalam kuil tersebut. Sebagai tempat ibadat, setiap pengunjung dikehendaki berpakaian sopan bagi menghormati para dewata. Penulis turut dikehendaki memakai selempang berwarna jingga yang disediakan oleh pihak pengurusan pelancongan kuil.

Antara binaan kuil yang terdapat di Bali.



Penulis turut berkesempatan melihat pemandangan Gunung Batur yang terletak di daerah Kintamani, Bali. Pada ketika itu, penulis dibawa oleh pemandu pelancong menikmati hidangan makan tengah hari di restoran Grand Puncak Sari dalam suasana yang nyaman kerana berada di kawasan tanah tinggi. Gunung Batur telah digazetkan sebagai tapak warisan United


Nations Educational Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dan merupakan antara gunung berapi yang aktif di Indonesia. Kali terakhir gunung Batur memuntahkan laharnya ialah pada tahun 2000. Sungguhpun demikian, para pelancong masih berpeluang untuk mendaki Gunung Batur bagi menyaksikan matahari terbit.

Pemandangan puncak Gunung Batur.

Sebahagian daripada watak yang terdapat dalam Tari Barong.



Penulis juga tidak melepaskan peluang melihat tarian kebudayaan yang terkenal bagi masyarakat Bali, iaitu Tari Barong. Usaha kerajaan Indonesia yang ingin menjadikan Tari Barong sebagai satu daripada produk pelancongan di Bali juga adalah sangat bertepatan. Penulis tertarik dengan gemersik muzik gamelan yang dimainkan sewaktu Tari Barong berlangsung. Tari Barong yang bercorak drama muzikal bukan semata-mata tarian tanpa pengisian, namun Tari Barong menceritakan pertarungan antara unsur cerah dengan gelap bagi menegakkan yang hak. Aneka watak daripada haiwan seperti harimau, burung dan monyet ditonjolkan dalam tarian ini.



Dalam perjalanan pulang dari daerah Kintamani, penulis melalui daerah Ubud yang terkenal dengan penanaman padi bukit berteres atau lebih dikenali sebagai padi teres Tegalalang. Menurut pemandu pelancong, pemandangan kawasan tersebut sangat menarik, terutamanya ketika musim padi menguning. Sewaktu penulis berkunjung ke Tegalalang, langit baru sahaja tenang selepas hujan. Secara tidak langsung, kawasan di sekitar padi bukit ketika itu berkabus. Kelihatan dua hingga tiga buah rumah berada di sekitar teres padi bukit. Mengikut pengamatan penulis sebagai penyelidik yang terlibat dalam kajian pembaikbakaan padi, penggunaan peralatan moden amat sukar digunakan untuk bercucuk tanam pada bentuk muka bumi yang berbukit dan berkeluasan sangat kecil. Oleh itu, tidak hairanlah para pesawah di Tegalalang masih menggunakan kaedah konvensional untuk menanam dan menuai padi mereka.


Perjalanan dari Tegalalang ke Seminyak (tempat penulis menginap) melalui tanah pertanian yang merupakan satu daripada produk pelancongan di Bali. Penulis berpeluang menyaksikan buah limau mandarin, cili dan sayur-sayuran dari tanah tinggi yang tumbuh mekar. Barangkali kawasan tanah tinggi merupakan antara penyumbang kesuburan tanah di situ. Penulis juga berkesempatan berkunjung ke kawasan penanaman pokok kopi dan menyaksikan penghasilan kopi melalui kaedah konvensional.



Pemandangan padi bukit berteres di Tegalalang.

Perusahaan kopi yang diusahakan oleh OKA Agriculture Bali menghasilkan kopi Bali daripada varieti Arabica dan Robusta kerana varieti tersebut sangat sesuai dan mudah ditanam di Indonesia. Setiap pelancong yang berkunjung ke sini dapat melihat bagaimanakah biji kopi diproses menggunakan kaedah tradisional sehinggalah dihancurkan menjadi serbuk kopi. Keharuman aroma kopi menusuk ke hidung apabila digoreng menggunakan dapur kayu yang dibakar menggunakan arang. Ternyata aromanya sangat berbeza dengan aroma kopi yang dihasilkan dengan menggunakan mesin berteknologi tinggi. Sebagai tarikan pelancongan di sini, pengunjung diberikan peluang menikmati hidangan tujuh jenis teh berperisa dan tujuh jenis kopi berperisa secara percuma. Selesai mencubanya, pengunjung bolehlah membeli teh dan kopi yang dihidangkan sebagai buah tangan.


Selesai melancong di atas darat, penulis menaiki bot ke Nusa Penida bagi menikmati jernihnya air laut dan pemandangan lautan yang saujana mata memandangi. Banyak pengunjung dari luar negara berkunjung ke sini terutamanya mereka



Biji kopi yang dibakar menggunakan dapur kayu.



Biji kopi Arabica yang telah dipetik



Pemandangan yang boleh dilihat dari Broken Beach.

yang menggemari kehidupan di pulau, aktiviti menyelam dan meluncur air. Malah ada yang sanggup tinggal berminggu-minggu demi menikmati keindahan Nusa Penida. Kejernihan air ibarat kristal menjadikan Nusa Penida sebagai tempat tumpuan pengunjung. Namun begitu, bentuk muka bumi yang berbukit-bukau dan jalan yang sempit menyukarkan perjalanan dari satu tempat ke tempat yang lain. Untuk memudahkan perjalanan di kawasan tersebut, kenderaan pacuan dua roda dan motosikal menjadi pilihan utama pelancong. Penulis dapat melihat pelancong Eropah yang berani menunggang skuter sepanjang berada di Nusa Penida sebagai satu daripada pengangkutan utama mereka mudah disewa.

Jika berkunjung ke Nusa Penida, tempoh sehari tidak mencukupi kerana banyak destinasi pantai menarik yang boleh dikunjungi. Penulis tidak berkesempatan bermalam di Nusa Penida. Disebabkan itu, seawal pukul 7.30 pagi, penulis sudah tiba di jeti bagi menaiki bot ke sana. Setibanya di Nusa Penida, penulis disambut oleh pemandu pelancong dan dibawa ke Broken Beach dan Angel's Billabong. Dari Broken Beach dan Angel's Billabong, penulis dapat menyaksikan pemandangan laut yang luas. Suatu ketika dahulu pelancong dibenarkan mandi di sekitar Angel's Billabong, namun perlu menanggung risiko dihanyutkan oleh arus deras,

terutamanya pada waktu tertentu. Oleh itu, disebabkan sering berlaku kejadian pengunjung mati lemas akibat dihanyutkan oleh arus deras yang sukar dijangka, maka pengunjung tidak lagi dibenarkan turun ke bawah untuk berenang.

Antara perkara yang menarik perhatian penulis ketika berkunjung ke Broken Beach dan Angel's Billabong termasuklah terumbu karang yang kerap dijumpai di sepanjang jalan pendakian. Hal ini menggambarkan bahawa suatu ketika dahulu kawasan tersebut pernah berada di bawah paras laut dan telah mengalami proses penyurutan air laut. Penulis tidak berkesempatan mendapatkan sejarah mengenai Broken Beach dan Angel's Billabong serta ketinggian dari paras laut.

Antara tarikan lain di Nusa Penida ialah Pantai Kelingking yang bentuknya mirip jari kelingking. Menurut pemandu pelancong, perjalanan turun ke bawah mengambil masa selama satu jam kerana faktor bukit yang curam. Apatah lagi jika cuaca panas, untuk naik ke atas adalah lebih sukar.

Pantai Kristal merupakan antara pantai yang turut menjadi tumpuan pelancong yang berkunjung ke Nusa Penida. Pantai ini mendapat nama kristal kerana airnya yang jernih. Penulis tidak menafikan hal tersebut, tetapi pengunjung perlu berada di tengah pantai untuk menyaksikan kejernihan air laut di Pantai Kristal. Sungguhpun demikian, terlalu banyak batu kecil yang tajam di pinggir Pantai Kristal yang boleh mencederakan kaki para pengunjung.

Terdapat banyak lagi tempat menarik yang boleh dilawati di Bali seperti Nusa Dua, Tanah Lot, Canggu, air terjun Sekumpul dan Pantai Lovina. Ternyata percutian selama lima hari empat malam ini amat singkat untuk melawat kesemua tempat pelancongan di Pulau Bali. Penulis menganggarkan sekitar dua hingga tiga kali kunjungan ke Pulau Bali sekiranya ingin menikmati kesemua tempat menarik di sana. 🌴

Pemandangan di Pantai Kelingking.

